

NREB disaran bekerjasama dengan swasta urus alam sekitar di sekolah

November 10, 2015,
Tuesday



SIBU: Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) disaran bekerjasama dengan swasta dalam pengurusan alam sekitar di sekolah-sekolah di lokaliti mereka.

Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar Kedua Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan berkata NREB dan swasta khususnya syarikat perladangan boleh mengambil sekolah-sekolah sebagai anak angkat dan membantu pengurusan sekolah meningkatkan kreativiti mengadakan landskap dan persekitaran cantik dan bersih, kondusif untuk proses pengajaran dan pembelajaran.

“Usaha itu boleh dijadikan sebagai tanggungjawab sosial korporat NREB dan syarikat-syarikat terlibat.

“Usaha ini juga mempunyai signifikan kepada usaha penjagaan alam sekitar di negeri ini,” katanya pada Majlis Anugerah Sekolah Rakan Alam Sekitar (SERASI) 2014/2015 di Dewan Suar Sibul di sini, semalam.

Hadir sama Setiausaha Tetap Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar Datu Sudarsono Osman, Pengurus Hubungan Kerajaan, Asia Pasifik, Shell Malaysia Jonathan Jolly dan Kontroler NREB Peter Sawal.

Menteri Kemudahan Awam dan Pembangunan Perindustrian itu berkata, usaha pendidikan ke arah kelestarian alam sekitar bagi pembangunan mapan sudah menampakkan hasil.

Katanya semakin banyak pihak seperti pertubuhan dan syarikat-syarikat swasta menyokong usaha Jabatan Perhutanan dalam program penanaman pokok bakau di beberapa kawasan di negeri ini.

“Kesedaran masyarakat terhadap penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar semakin meningkat dan dalam pembalakan haram umpamanya ramai tampil memberi maklumat bagi membanteras kegiatan tersebut.

“Dalam kejadian jerebu, pembakaran terbuka bagi pembukaan tanah di Sarawak adalah sangat minimum kerana tiada permit pembakaran terbuka diluluskan selain penarikan balik serta merta permit-permit diluluskan,” jelasnya.

Beliau turut memuji masyarakat kerana tidak melakukan pembakaran terbuka di kawasan rumah, menandakan adanya kesedaran dan tanggungjawab di kalangan mereka.

Bagi menjamin kesedaran, beliau mahu syarikat-syarikat bekerjasama dengan pihak sekolah untuk tujuan itu.

“Misalnya, NREB menjalankan program pendidikan alam sekitar tetap di sekolah dengan membantu sekolah menubuhkan Kelab Pencinta Alam Sekitar (PALS) sejak 1999.

“Saya difahamkan setakat ini sebanyak 323 sekolah rendah dan menengah sudah menubuhkan Kelab PALS di sekolah,” ujarinya.

Awang Tengah berkata, anugerah itu diharap dapat memberi motivasi kepada pelajar untuk melaksanakan pelbagai projek dan aktiviti ke arah pengurusan alam sekitar.

Katanya projek dan aktiviti alam sekitar memberi hasil dari segi persekitaran persekolahan yang kondusif untuk proses pengajaran dan pembelajaran.

“Bagaimanapun, masih banyak sekolah rendah dan menengah di negeri ini belum dan tidak pernah menyertai SERASI.

“Saya juga meminta Pengarah Pendidikan Sarawak memberi arahan supaya sekolah-sekolah menyertai SERASI,” katanya.

This service is provided on BorneoPost online standard [Policies and Conditions](#). Copyright 2010-2015 BorneoPost Online. All Rights Reserved.

”